

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan keberkesanan projek *Malaysia My Second Home* (MM2H). Apakah kriteria-kriteria kelayakan dan peraturan-peraturan yang diguna-pakai untuk permohonan di bawah program tersebut.

**JAWAPAN :**     **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia My Second Home (*MM2H*) merupakan satu program "*long stay*" bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan belanja lebih banyak di Malaysia. Peserta Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial selama 10 tahun berserta dengan "*Multiple Entry Visa*".

Sejak Program MM2H dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Disember 2014, seramai 27,179 permohonan warganegara asing dari 123 buah negara telah diluluskan.

Keberkesanan pelaksanaan projek ini dapat dilihat dari segi bilangan peserta dan sumbangan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2014 dengan kelulusan seramai 3,074 peserta anggaran sumbangan kepada ekonomi negara adalah dalam lingkungan RM1.47 bilion iaitu termasuk kutipan hasil fi visa sebanyak RM9.8 juta, pembukaan simpanan tetap di Malaysia sebanyak RM714.75 juta, pembelian hartanah kediaman sebanyak RM740.72 juta. Anggaran ini tidak mengambil kira perbelanjaan isi rumah bulan yang bergantung kepada bilangan ahli keluarga serta perbelanjaan pendidikan bagi anak-anak mereka dan kos perubatan.

Program MM2H telah melonjakkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Laporan dari *International-Living.com*, telah menunjukkan bahawa Malaysia berada di tempat ke-empat terbaik di dunia dan terbaik di Asia sebagai destinasi persaraan.

Tambahan kepada itu, kaji selidik tahunan oleh Japan Longstay Foundation juga menunjukkan bahawa Malaysia merupakan pilihan utama untuk tinggal jangka panjang di kalangan rakyat Jepun yang berusia 40 tahun dan ke atas sejak tahun 2006 hingga 2013.

Berhubung dengan kriteria-kriteria kelayakan, di bawah Program MM2H, setiap pemohon hendaklah mematuhi kriteria kewangan mengikut kategori umur (50 tahun ke atas atau di bawah 50 tahun) iaitu dari segi pendapatan bulanan dari luar negara, aset cair dan simpanan tetap di bank Malaysia; mempunyai rekod kesihatan yang baik dan perlindungan insurans; tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dengan mengemukakan "*Letter of Good Conduct*" yang dikeluarkan oleh pihak keselamatan negara masing-masing; dan lulus tapisan keselamatan yang dijalankan oleh Polis Di-Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Butiran terperinci mengenai kriteria-kriteria ini boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi MM2H iaitu [www.mm2h.gov.my](http://www.mm2h.gov.my).

Sekian, terima kasih.